

Pembukaan Permohonan Geran Penyelidikan Kursi Tun Taib Bil1/2025

Adalah di maklumkan bahawa Geran Penyelidikan Kursi Tun Taib (Penyelidikan berkaitan Bumiputera Sarawak) kini dibuka untuk permohonan dari warga UNIMAS.

Berikut adalah jadual pembukaan Geran Penyelidikan Kursi Tun Taib

Perkara	Tarikh
Notis pembukaan geran	12th March 2025 5 Mar 2025
Tarikh akhir penyerahan borang cadangan penyelidikan secara online (IRIS)	11th April 2025 8 April 2025

Bidang dan Tujuan Geran Penyelidikan Kursi Tun Taib

Geran ini bertujuan untuk menyokong aktiviti penyelidikan Bumiputera Sarawak dalam penjaan teori, konsep dan idea baru dalam semua bidang penyelidikan berkaitan sara-hidup dan sosioekonomi Bumiputera Sarawak. Geran ini dibuka untuk semua penyelidik di UNIMAS.

Tema penyelidikan untuk permohonan geran Kursi Tun Taib Siri1/2025 adalah:

1. Strategi Sara Hidup Komuniti Luar Bandar Bumiputera Sarawak
(*Livelihood Strategies among the Rural Bumiputera Community in Sarawak*)
2. Cabaran, Isu dan Peluang Pembangunan Masyarakat Pinggir Bandar in Sarawak
(*Challenges, Issue and Opportunities Among Suburban Community in Sarawak*)

Syarat dan Kelayakan Permohonan

- 1) Warganegara Malaysia; dan
- 2) Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); atau
- 3) Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama bertaraf tetap.
- 4) Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.
- 5) Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu permohonan projek sahaja pada setiap kitar.
- 6) Permohonan baharu oleh Ketua Penyelidik yang mempunya projek yang telah diluluskan pada kitaran yang terdahulu akan dipertimbangkan dengan mengemukakan bukti (yang diperakui oleh RIMC) tahap kemajuan projek pada kadar 75% selesai.
- 7) Siling peruntukan untuk kitaran Bil.1/2025 adalah Ringgit Malaysia: Lima Belas Ribu Sahaja, tertakluk kepada kelulusan JK Amanah Kursi Tun Taib.

Pembukaan Permohonan Geran Penyelidikan Kursi Tun Taib Bil1/2025

Peraturan Permohonan

- 1) Permohonan untuk Geran Penyelidikan Kursi Tun Taib perlu menggunakan borang online yang terkini dari laman web Pusat Penyelidikan, Inovasi dan Enterprise UNIMAS:
<https://research.unimas.my/iris7/>
- 2) Skop permohonan untuk Geran Penyelidikan Kursi Tun Taib Kitar 2025 adalah kepada projek penyelidikan yang menepati perkara berikut:
 - i. Bidang dan tujuan Kursi Penyelidikan Tun Taib.
 - ii. Selaras dengan kluster penyelidikan UNIMAS.
 - iii. Keutamaan geran diberikan kepada penyelidik UNIMAS yang berstatus bukan Penyelidik Utama (PI).
 - iv. Geran Kursi Tun Taib tidak membenarkan pembelian peralatan penyelidikan.

Hasil Penyelidikan

- 1) Setiap projek mesti menerbitkan dalam jurnal berindeks SCOPUS/berimpak sekurang-kurangnya:
 - **SATU (1)** penerbitan berindeks (SCOPUS/WoS)

Atau

 - **SATU (1)** penerbitan berindeks (ERA)

atau

 - **DUA (2)** penerbitan dalam jurnal berindeks/berwasit;

dan kesemua penerbitan hendaklah menyatakan

 - **Penghargaan kepada Kursi Penyelidikan Tun Taib** mestilah dinyatakan dengan jelas dalam penerbitan.

Pemantauan

- 1) Semua projek yang diluluskan oleh JK Pemegang Amanah Kursi Tun Taib akan dipantau dari aspek prestasi projek.
- 2) Laporan Kemajuan perlu diisi oleh penerima geran penyelidikan setiap **enam (6) bulan** selepas tarikh kelulusan geran; dan perlu dihantar kepada Pengarah Kanan, Pusat Penyelidikan, Inovasi dan Enterprise UNIMAS.
- 3) Laporan akhir penyelidikan perlu dihantar dalam tempoh **enam (6) bulan** selepas projek tamat.
- 4) Laporan kemajuan dan laporan akhir perlu menggunakan borang online yang terkini dari laman web Pusat Penyelidikan, Inovasi dan Enterprise UNIMAS.
<https://research.unimas.my/iris7/research/report/create>

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

- Prof Madya Dr Mohamad Suhaidi bin Salleh, Ketua Kursi Tun Taib; 082-582756;
smsuhaidi@unimas.my